

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)4

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

4. Pesta Pulau Pinang 2023 pada bulan Disember yang lalu diketahui umum tidak mendapat sambutan.
- (a) Mengapakah Pesta Pulau Pinang dianjurkan pada hujung tahun sedangkan umum tahu ianya adalah musim tengkujuh. Apakah tindakan Kerajaan Negeri?
 - (b) Agensi pelaksana masih di bawah Pejabat Kewangan Negeri, mengapakah tidak dipertanggungjawabkan kepada EXCO?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Menjadi amalan Kerajaan Pulau Pinang dalam menganjurkan Pesta Pulau Pinang pada setiap hujung tahun. Walau bagaimanapun, selepas pasca pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri mendapati bahawa telah berlakunya perubahan dalam tempoh dan jadual cuti persekolahan yang sedikit sebanyak turut mempengaruhi bilangan pengunjung ke Pesta Pulau Pinang.

- (a) Sejak tahun 1966, Pesta Pulau Pinang merupakan acara tahunan berprestij yang diadakan pada musim cuti persekolahan setiap hujung tahun. Faktor musim tengkujuh dan perubahan cita rasa masyarakat berikutan peredaran masa berkemungkinan menyumbang kepada faktor yang menyebabkan Pesta Pulau Pinang tidak lagi gah seperti dahulu. Tambahan pula, tarikh cuti persekolahan bukan lagi pada penghujung tahun selepas berlakunya pandemik COVID-19.

Peka dengan perubahan yang berlaku, Kerajaan Negeri akan meneliti dan menyemak waktu penganjuran Pesta Pulau Pinang agar lebih bersesuaian bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Pesta Pulau Pinang.

- (b) Saban tahun, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sebagai pemilik dan pengurus kepada pengoperasian Tapak Pesta telah diberikan mandat untuk menganjurkan Pesta Pulau Pinang. JKNPP telah melaksanakan perancangan dengan penuh komited untuk menjayakan penganjuran Pesta Pulau Pinang yang merupakan ikon kepada negeri Pulau Pinang ini.

Pada tahun 2023, bagi membuka peluang kepada peniaga-peniaga yang baru menceburi bidang perniagaan, JKNPP telah

mengambil inisiatif dengan menjalinkan kerjasama dengan EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar bagi menjayakan penganjuran Pesta Pulau Pinang.

YB EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar berpandangan bahawa penganjur sedia ada iaitu Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKN) telah mempunyai pengalaman dan kapasiti yang mencukupi bagi pelaksanaan Pesta Pulau Pinang yang akan datang. Pada masa yang sama YB EXCO bersedia untuk memberi kerjasama dan bantuan kepada pihak JKN dari segi koordinasi bersama agensi berkaitan usahawan serta idea-idea bagi memberikan perspektif baharu bagi penganjuran Pesta Pulau Pinang.

Justeru itu, sebagai pemilik kepada Tapak Pesta dan kesediaan pegawai serta kakitangan JKNPP yang telah berpengalaman menganjurkan Pesta ini sejak tahun 1980-an sehingga kini, JKNPP akan terus menggalas tanggungjawab sebagai penganjur dan akan berhubung rapat serta bekerjasama dengan EXCO-EXCO yang berkaitan bagi perkongsian input untuk penambahbaikan Pesta Pulau Pinang pada tahun ini terutamanya EXCO Perdagangan, Pembangunan

Keusahawanan dan Luar Bandar. Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada perubahan sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang lain selepas ini.